



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	24/4/2021	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Kedah digesa henti pembalakan di Bukit Kerawai

BH 24/4/2021 M/s 16

**Georgetown:** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan Kedah supaya segera ambil tindakan menghentikan segera aktiviti pembalakan di Bukit Kerawai, Sik, yang didakwa mengancam sumber bekalan air penduduk di kawasan itu.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader, berkata CAP kesal dengan kejadian itu dan bersimpati dengan nasib kira-kira 200 penduduk terbahit yang dikatakan terpaksa menggunakan air berlimpah susulan masalah berkenaan.

Katanya, CAP percaya jika aktiviti pembalakan itu diteruskan, keadaan berkemungkinan akan menjadi lebih buruk terutama pada musim hujan ketika ini. Beliau berkata, pencemaran si-

**Kejadian banjir lumpur serta kemusnahan harta benda penduduk boleh berlaku jika tiada tindakan tegas dan segera dilakukan oleh pihak yang berkenaan**



*Mohideen Abdul Kader, Presiden CAP*

sa lumpur yang didakwa dihadapi penduduk terbahit bukan saja berisiko menjejaskan kesihatan mereka tetapi juga boleh

mengancam sistem saliran dan kawasan pertanian seperti yang berlaku di Kupang, Baling. "Kejadian banjir lumpur serta kemusnahan harta benda penduduk boleh berlaku jika tiada tindakan tegas dan segera dilakukan oleh pihak yang berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam. Difahaman, masalah itu membabitkan penduduk di Kampung Kerawai dan Kampung Tanah Liat.

Mengulas lanjut, Mohideen berkata, CAP juga meminta Jabatan Perhutanan Kedah, Pejabat Daerah Slik, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Syarikat Air Darul Aman (SADA) untuk menjalankan siasatan berhubung dakwaan itu, sekali gus menagati masalah terbahit. "Kita menegaskan bahawa penduduk terbahit berhak mendapatkan bekalan air bersih bagi menjamin kesihatan mereka dan dapat menjalani kehidupan lebih selesa pada masa akan datang. "Justeru, CAP akan menulis surat kepada kerajaan Kedah untuk meminta supaya masalah ini diberikan perhatian serius, sekali gus berharap ia tidak akan berulang," katanya.